

11 DEC 2000

Parlimen-Putrajaya (Lulus)

PENUBUHAN PUTRAJAYA LULUS DENGAN SOKONGAN DUA PERTIGA MAJORITI

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 yang membolehkan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan majoriti dua pertiga yang diperlukan oleh peruntukan Perlembagaan.

Pada pengundian yang dibuat secara blok di peringkat dasar, seramai 142 Anggota Dewan Rakyat menyokong, 27 yang lain tidak bersetuju dan 13 orang lagi tidak mengundi.

Pada pengundian di peringkat jawatankuasa pula, rang undang-undang itu diluluskan dengan sokongan 142 anggota dewan. Jumlah yang tidak bersetuju berkurang kepada 20 orang dan yang tidak mengundi 12 orang.

Pengundian itu menyaksikan kehadiran bilangan teramai anggota dewan iaitu 182 orang daripada sejumlah 193 Yang Berhormat.

Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membentangkan rang undang-undang itu pagi ini, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menggulung perbahasan petang ini, hampir kesemua barisan menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Osu Haji Sukam, Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Ghafar Baba. Turut hadir menyaksikan perbahasan dan pengundian di barisan pemerhati ialah Exco-exco Kerajaan Negeri Selangor Datuk Abdul Fatah Iskandar dan Datuk Mohd Shariff Jajang.

Semasa menggulung, Abdullah berkata pengambilan tanah seluas 4,000 hektar itu tidak menimbulkan gangguan atau menjejaskan kedaulatan negeri Selangor, bahkan soal itu tidak pernah timbul.

"Ini disebabkan Perkara Dua dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Parlimen dibolehkan mengubah sempadan negeri-negeri dari masa ke semasa dengan persetujuan Raja-Raja Melayu dan kelulusan Dewan Undangan Negeri Selangor," katanya.

Dalam kes Putrajaya, kedua-duanya telah sama-sama memberi persetujuan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, katanya.

"Sekaligus ini membuktikan negara mengamalkan satu sistem di mana Perlembagaan Negara adalah undang-undang tertinggi negara," katanya.

Abdullah juga menafikan tuduhan bahawa kerajaan mengambil kesempatan ke atas Menteri Besar Selangor yang baru dilantik dan "masih hijau" dalam hal-ehwal pentadbiran untuk mendesak Datuk Dr Mohamed Khir Toyo menyetujuinya.

Abdullah berkata semua proses ke arah menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan telah dipatuhi dan rundingan untuk itu telah dimulakan sejak 1999.

"...ia juga telah dibentangkan di Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor pada tahun yang sama semasa Selangor masih dipimpin Datuk Seri Abu Hassan Omar," katanya lagi.

Sekaligus ini menunjukkan proses pengambilan Putrajaya tidak dilakukan secara tergesa-gesa kerana rundingan telah dijalankan lebih dari setahun yang lalu.

Menurut Abdullah, penetapan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan telah dimulakan melalui perjanjian dengan kerajaan negeri bermula 20 Julai 1995.

Melalui perjanjian ini kerajaan negeri Selangor telah memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Pusat untuk mengurus pembangunannya melalui Perbadanan Putrajaya.

Abdullah berkata semua proses ke arah menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan telah dipatuhi dan rundingan untuk itu telah dimulakan sejak 1999.

"...ia juga telah dibentangkan di Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Selangor pada tahun yang sama semasa Selangor masih dipimpin Datuk Seri Abu Hassan Omar," katanya lagi.

Sekaligus ini menunjukkan proses pengambilan Putrajaya tidak dilakukan secara tergesa-gesa kerana rundingan telah dijalankan lebih dari setahun yang lalu.

Menurut Abdullah, penetapan untuk menjadikan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan telah dimulakan melalui perjanjian dengan kerajaan negeri bermula 20 Julai 1995.

Melalui perjanjian ini kerajaan negeri Selangor telah memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Pusat untuk mengurus pembangunannya melalui Perbadanan Putrajaya.

Ketika itu Husam Musa (PAS-Kubang Kerian) bangun dan mengemukakan soalan kepada Abdullah kononnya harga pampasan RM200 juta yang dibayar kepada Selangor tidak padan sama sekali dengan nilai tanah itu.

Abdullah yang menafikan tuduhan itu berkata pampasan RM200 juta itu tidak sedikit kerana Selangor mendapat banyak manfaat lain termasuk pembangunan kawasan sekitar Putrajaya yang dianggar menelan belanja RM800 juta, pembangunan pusat pertumbuhan baru Putrajaya yang akan melimpah hingga ke Negeri Sembilan.

Faedah lain termasuk penambahan jumlah wakil Selangor dalam Perbadanan Putrajaya dari satu kepada dua serta peningkatan nilai tanah di sekitarnya.

Dalam perbahasan sebelumnya, Datuk Fadzil Mohd Nor (Pas-Pendang) berkata adalah tidak berasas untuk mengekalkan Kuala Lumpur sebagai sebuah Wilayah Persekutuan jika Putrajaya telah diberi status seperti itu.

Beliau mencadangkan agar pindaan akta dibuat untuk membolehkan Kuala Lumpur yang telah dijadikan Wilayah Persekutuan sejak 1974 diserahkan kembali kepada kerajaan negeri Selangor.

Datuk Ruhani Ahmad (BN-Parit Sulong) yang menyokong pembinaan Putrajaya berkata Putrajaya merupakan tanda penghijrahan negara ini untuk membentuk identiti sendiri.

"Insaflah, bahawa Putrajaya adalah satu bentuk penghijrahan dari ibu negara (Kuala Lumpur) yang dibangunkan penjajah kepada pusat pentadbiran yang akhirnya didirikan oleh sebuah kerajaan Malaysia yang merdeka," katanya.

Beliau sebelum itu dalam hujah-hujahnya menyelar kakitangan awam yang menyokong idea PAS untuk menjual Putrajaya.

Husam juga mengesyorkan agar pemilihan Datuk Bandar Putrajaya dibuat secara mengundi seperti pilihan raya.

Dewan Rakyat bersidang lagi esok.

--BERNAMA

SLR MNY RHM